



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**PEMBUKAAN TANAH LOMBONG BIJIH TIMAH DI KALUMPANG DARI
TAHUN 1900 HINGGA 1940**

SITI ALIAA BINTI HASHIM



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (SEJARAH MALAYSIA)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SAINS KEMANUSIAAN
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini menganalisis isu berkaitan dengan pembukaan tanah lombong bijih timah di Kalumpang dari tahun 1900 sehingga 1940. Kajian merangkumi faktor yang mendorong pembukaan tanah iaitu perubahan dalam Undang-undang Tanah Negeri dan galakan pihak British terhadap orang Cina untuk mengusahakan lombong bijih timah dengan pemberian modal dan pengenalan Undang-undang Buruh Cina. Kajian ini juga turut menilai kesan aktiviti pembukaan tanah lombong di Kalumpang terutamanya dalam aspek pembangunan masyarakat dan infrastruktur. Pendekatan kualitatif iaitu analisis teks dan dokumen digunakan untuk menganalisis bahan arkib sebagai sumber primer khususnya dokumen pembukaan tanah lombong di Kalumpang semasa pentadbiran British. Selain daripada itu, penelitian terhadap sumber sekunder yang dianggap berkaitan khususnya mengenai pembukaan tanah dan aktiviti perlombongan di Selangor dan Tanah Melayu turut dianalisis. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kerancakan pembukaan tanah lombong di Kalumpang berpunca daripada perubahan dalam Undang-undang Tanah Negeri dan kedatangan immigran Cina. Sepanjang tempoh 1900 hingga 1940 memperlihatkan persaingan sengit antara pemodal Barat dan pelabur Cina. Peningkatan dalam jumlah permohonan dari hanya dua pada tahun 1900 kepada 78 permohonan pada tahun 1920 memperlihatkan keaktifan aktiviti perlombongan di Kalumpang. Kesannya, berlaku perubahan lanskap tanah dan kependudukan di Kalumpang. Walau bagaimanapun, aktiviti perlombongan di Kalumpang juga sangat terkait dengan isu kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 1930an sehinggakan jumlah permohonan pembukaan tanah lombong dan hasil perlombongan merosot secara mendadak. Kesimpulannya, kerancakan pembukaan tanah lombong telah memberikan kesan positif kepada perkembangan ekonomi dan infrastruktur di Kalumpang di samping membantu menyusun semula masyarakat. Kajian ini memberi implikasi dalam bentuk membekalkan sumber data penting kepada pihak berkuasa tempatan dalam usaha mengetengahkan daerah Hulu Selangor sebagai salah satu tapak bersejarah negara.





THE OPENING OF TIN MINING LAND IN KALUMPANG FROM 1900 UNTIL 1940

ABSTRACT

This study analysed issues pertaining to the opening of tin mines in Kalumpang from 1900 to 1940. The study examined the factors regarding land openings, changes in State Land Law and the encouragement by the British to the Chinese immigrants to undertake tin mining with the granting of capital and the enforcement of the Chinese Labor Law. This study also evaluated the impacts of the tin mining activities in Kalumpang especially on the development of the community and their infrastructure. The qualitative approaches comprised texts and documents analyses were used to analyse the archival materials as primary sources especially the documents that are related with the opening of tin mining in Kalumpang during the British administration. In addition, observations were also made on the secondary sources that are considered relevant especially in relation to the opening of land mining activities in Selangor and in Malaya as a whole. The findings show that the burgeoning of land mines in Kalumpang stems from changes in the State Land Laws and the arrival of immigrants from China. Throughout the period of 1900 to 1940, there has been a stiff competition between the Western and Chinese investors. The increasing number of applications from only two in 1900 to 78 applications in 1920 has shown the active tin mining activities in Kalumpang. As a result, there were changes in land and population landscapes in Kalumpang. However, mining activities in Kalumpang were closely linked to the world economic downturn in the 1930's as the number of applications for tin mining has dropped dramatically. In conclusion, the rapid development of mining during 1900 to 1930 has given a positive impact on economic and infrastructure development in Kalumpang as well as restructuring of the community. This study has implication in form of providing important data to the local authorities in order to highlight the Hulu Selangor district as one of the national historical sites.



**ISI KANDUNGAN****MUKA SURAT**

PENGAKUAN	ii
PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi
KANDUNGAN	vii
SENARAI JADUAL	xii
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI PETA	xv
SINGKATAN	xvi
SENARAI LAMPIRAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang	5
1.3 Permasalahan Kajian	12
1.4 Objektif Kajian	13
1.5 Skop Kajian	13
1.6 Kajian Lepas	15
1.7 Kaedah Kajian	46
1.8 Pembahagian Bab	47
1.9 Kesimpulan	49



 BAB 2	LATAR BELAKANG KAJIAN	 PustakaTBainun	 51
2.1	Pengenalan		51
2.2	Latar Belakang Daerah Hulu Selangor		52
2.3	Kuala Kubu sebagai Pusat Pemerintahan Hulu Selangor		57
2.4	Kalumpang		62
2.5	Tokoh (Riwayat Panglima Kanan Membuka Kalumpang)		65
2.6	Kalumpang Selepas Kedatangan British		68
2.6.1	Kampung Gumut dan Kampung Titiwangsa		68
2.6.2	Kampung Keliang		72
2.6.3	Kampung Pasir Puteh		77
2.7	Latar Masyarakat di Kalumpang		80
 05-4506832	  2.7.1 Orang Melayu	 PustakaTBainun	 81
	2.7.2 Orang Cina		82
	2.7.3 Masyarakat Sumatera (Mandailing, Rawa dan Kerinci)		83
	2.8 Kesimpulan		86
BAB 3	PERLOMBONGAN DI ULU SELANGOR		88
3.1	Pengenalan		88
3.2	Sejarah Perlombongan negeri Selangor		90
3.3	British dan Perusahaan Bijih Timah di Negeri Selangor		94
	3.3.1 Peraturan Tanah Perlombongan di NNMB		94
	3.3.2 Peraturan Tanah Lombong di negeri Selangor		96
	3.3.3 Penubuhan Mining Enactment 1911		99



3.3.4 Pentadbiran Ekonomi British dalam perlombongan

100

3.3.4.1 Pengenalan Ekonomi Duaan

106

3.4 Sejarah Pembukaan Tanah Lombong di Ulu Selangor

108

3.4.1 Perlombongan di Serendah

112

3.4.2 Perlombongan di Kuala Kubu

114

3.4.3 Perlombongan di Ulu Bernam

120

3.5 Perlombongan di Kalumpang

121

3.6 Kesimpulan

124

BAB 4 DASAR TANAH DAN PEMBUKAAN TANAH LOMBONG DI KALUMPANG DARI TAHUN 1900 - 1940

126

4.1 Pengenalan

126

4.2 Dasar Tanah British

128

4.2.1 Sistem Tanah Sebelum Kedatangan British

129

4.2.2 Sistem Tanah British

137

4.2.2.1 Pengenalan Undang-undang Tanah British di NNS

141

4.2.2.2 Pengenalan Undang-undang Tanah British di NNM

146

4.3 Pembukaan Tanah Lombong di Kalumpang dari Tahun 1900 hingga tahun 1940

160

4.4 Tebus Tanah Lombong di Kalumpang dari Tahun 1900 hingga tahun 1940

185

4.5 Kemelesetan Ekonomi

190

4.6 Kesimpulan

193



 BAB 5	IMIGRAN CINA DAN PEMBUKAAN TANAH LOMBONG DI KALUMPANG DARI TAHUN 1900 – 1940	196
5.1	Pengenalan	196
5.2	Dasar British Terhadap Orang Cina	198
5.2.1	Kedatangan Orang Cina	198
5.2.2	Dasar Ekonomi Terhadap Orang Cina	200
5.2.2.1	Sistem Pajak Cukai	200
5.2.2.2	Pinjaman Kerajaan	203
5.2.2.3	Penubuhan Bank	205
5.2.3	Undang-undang Buruh Cina	207
5.3	Permohonan Pembukaan Tanah Lombong oleh Imigran Cina di Kalumpang dari tahun 1900 Hingga Tahun 1940	214
5.4	Analisa Permohonan Orang Cina dengan Pelombong Lain	228
5.5	Persaingan di antara Orang Cina dan orang Barat	234
5.6	Kesimpulan	244
BAB 6	KESAN PEMBUKAAN TANAH LOMBONG BIJIH TIMAH DI KALUMPANG	246
6.1	Pengenalan	246
6.2	Pembinaan Bandar Kalumpang	248
6.2.1	Pembinaan Tempat Meletak Kenderaan	248
6.2.2	Pembinaan Lampu Jalan	250
6.2.3	Pembinaan Rumah Penghulu	250
6.2.4	Pembinaan Pasar	251
6.2.4.1	Pembinaan Gerai Bersimen	252
6.2.5	Pemantapan Keselamatan di Kalumpang.	252

05-4506832	pustaka.upsi.edu.my	Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah	PustakaTBainun	ptbupsi
6.2.5.1	Pembinaan Balai Polis			253
6.2.5.2	Aspek Keselamatan.			258
6.3	Pembangunan dan Peningkatan Kemudahan Infrastruktur di Kalumpang			258
6.3.1	Pembinaan Landasan Kereta Api			259
6.3.2	Perkembangan Pembinaan Jalan Raya			261
6.4	Kedatangan orang Cina ke Kalumpang.			263
6.4.1	Pembinaan Tanah Perkuburan bagi Imigran Cina			264
6.4.2	Pembinaan Rumah Ibadat			266
6.4.3	Penubuhan Kedai Pajak Gadai			267
6.4.4	Penubuhan <i>The Muda Stia Club</i>			268
6.5	Pembangunan Masyarakat Melayu di Kalumpang.			269
6.5.1	Penubuhan Kelab Bola Sepak			270
6.5.2	Pendidikan			273
6.5.2.1	Pendidikan di Kalumpang			273
6.5.2.2	Guru di Kalumpang			274
6.5.3	Tanah Rizab Melayu			275
6.5.3.1	Tanah Rizab Melayu di Kalumpang			276
6.5.4	Pembinaan Masjid			281
6.5.5	Tapak Perkuburan Melayu			282
6.6	Orang India di Kalumpang.			284
6.6.1	Tapak Pengebumian untuk Imigran India			285
6.7	Kesimpulan			287

RUJUKAN	306
----------------	------------

LAMPIRAN

Permohonan Pembukaan Tanah Lombong di Kalumpang

**SENARAI JADUAL**

No. Jadual	Muka Surat
4.1 Analisa Pembukaan Tanah Lombong Bijih Timah di Kalumpang dari Tahun 1900 Sehingga Tahun 1940.	160
4.4 Jumlah Keluasan Tanah Lombong Bijih Timah di Ulu Selangor dari tahun 1900 hingga tahun 1920.	179
4.6 Permohonan Pembukaan Tanah Lombong Bijih Timah di Kalumpang bagi tempoh masa 1921 hingga tahun 1930.	182
4.7 Pertukaran Tanah dari Tanah Pertanian ke Tanah Lombong Bijih Timah.	188
4.8 Peratusan Jumlah Eksport Bijih Timah dari Tahun 1929 hingga Tahun 1934 dan 1937 di Tanah Melayu.	191
4.9 Bilangan Lombong Bijih Timah di daerah negeri Selangor tahun 1934.	192
4.10 Keluasan tanah lombong Bijih Timah di Ulu Selangor dari tahun 1931 hingga tahun 1934.	192
4.11 Pembukaan Tanah Lombong Bijih Timah dari tahun 1931 hingga tahun 1940.	193
5.1 Permohonan pembukaan Tanah Lombong Bijih Timah oleh orang Cina dari tahun 1900 sehingga tahun 1940 di Kalumpang.	214
5.3 Jumlah Buruh Cina dari tahun 1900 hingga 1920 di negeri Selangor.	225
5.4 Tenaga buruh Cina di Lombong Bijih Timah dan pengeluaran di Negeri-negeri Melayu Bersekutu.	227
5.9 Jadual Pembukaan Tanah Lombong Bijih Timah dari Tahun 1931 hingga tahun 1940 di Kalumpang	234
5:12 Bilangan kapal korek yang digunakan di daerah Ulu Selangor bagi tahun-tahun tertentu.	242
6.9 Jadual Pembahagian Tanah kepada Pemilik Bukan Melayu di Kalumpang pada tahun 1936.	278



**SENARAI RAJAH**

No. Rajah	Muka Surat
4.2 Graf Bilangan Tanah Lombong Bijih Timah yang dipohon mengikut tahun (10tahun)	175
4.3 Carta Pai Peratus Permohonan Pembukaan Tanah Lombong Bijih Timah bagi tahun 1900 hingga 1940 (tempoh setiap 10 tahun)	176
4.5 Graf Jumlah Keluasan Tanah Lombong Bijih Timah yang dipohon Tahun 1900 hingga tahun 1940 (tempoh setiap 10 tahun)	181
5.2 Rajah dibawah menunjukkan jumlah permohonan imigran Cina dari tahun 1900 hingga tahun 1940 dalam tempoh masa 10 tahun	224
5.5 Bilangan Permohonan Tanah Lombong Bijih Timah mengikut golongan dari tahun 1900 hingga 1940 di Kalumpang	229
5.6 Carta Pai Permohonan Pembukaan Tanah Lombong Bijih Timah mengikut golongan dari tahun 1900-1910 di Kalumpang	231
5.7 Carta Pai Permohonan Pembukaan Tanah Lombong Bijih Timah mengikut golongan dari tahun 1911-1920 di Kalumpang	232
5.8 Carta Pai Permohonan Pembukaan Tanah Lombong Bijih Timah mengikut golongan dari tahun 1921 - 1930 di Kalumpang	233
5.10 Graf Perbezaan Jumlah Permohonan Tanah Lombong Bijih Timah di antara orang Barat dan orang Cina di Kalumpang bagi tempoh 10 tahun dari tahun 1900 hingga tahun 1940	235
5.11 Graf Keluasan Tanah Lombong Bijih Timah yang dipohon oleh orang Barat dan orang Cina di Kalumpang dalam tempoh 10 tahun dari tahun 1900 hingga tahun 1940	239
6.1 Kawasan Pembinaan Tempak Meletak Kenderaan	249
6.2 Lokasi Tapak Pembinaan Balai Polis di Kalumpang pada tahun 1925	255
6.3 Lokasi Tapak Pembinaan Berek Polis di Kalumpang pada tahun 1928	256
6.4 Bekas kawasan landasan kereta api Kalumpang	261



6.5	Kawasan permohonan tanah perkuburan orang Cina Kalumpang Tahun 1890	264
6.6	Kawasan tanah perkuburan dipohon orang Cina di Kalumpang tahun 1913	266
6.7	Kawasan rumah ibadat yang di pohon orang Cina di Kalumpang tahun 1907	267
6.8	Kawasan Tanah Rizab Melayu di Kalumpang pada tahun 1934	277
6.10	Kawasan Tanah Rizab Melayu di Kalumpang pada tahun 1936	280
6.11	Lokasi Pembinaan Masjid di Kalumpang pada tahun 1913	282
6.12	Lokasi Tapak Pengembumian Masyarakat Melayu di Kalumpang pada tahun 1915.	284
6.13	Lokasi Tapak Pengebumian Imigran India di Kalumpang pada tahun 1926.	286



SENARAI PETA

No. Peta	Muka Surat
2.1 Peta Hulu Selangor	55
2.2 Peta Ulu Selangor 1948	56
2.3 Peta sempadan antara Kuala Kubu dan Kalumpang	61
2.4 Peta Kampung Gumut dan Titiwangsa	70
2.5 Peta Topografi Kampung Gumut dan Titiwangsa	71
2.6 Peta Kampung Keliang	75
2.7 Topografi Kampung Keliang	76
2.8 Kampung Pasir Putih	78
2.9 Topografi Kampung Pasir Putih	79





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

SINGKATAN**JMBRAS** Journal Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.**MBRAS** Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society.**NNM** Negeri-negeri Melayu.**NNMB** Negeri-negeri Melayu Bersekutu.**NNMTB** Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu.**NNS** Negeri-negeri Selat.**SBBU** Syarikat Berpiagam Borneo Utara.**UPSI** Universiti Pendidikan Sultan Idris.

05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



BAB 1

PENDAHULUAN



1.1 Pengenalan

Kedatangan British ke Tanah Melayu telah membawa banyak perubahan dalam pelbagai aspek iaitu dari segi politik, ekonomi dan sosial. Perkara ini dilihat selaras dengan matlamat British untuk menjajah segala hasil-mahsul di Tanah Melayu. Bukti ini dapat dilihat dengan jelas apabila berlakunya perubahan terhadap struktur pentadbiran tradisional yang bercorak feodal kepada pentadbiran kolonial. Begitu juga dengan aspek perundangan yang berkaitan dengan sistem masyarakat iaitu sistem tanah orang Melayu. Bagi memastikan matlamat mereka tercapai, British sedaya upaya melakukan pelbagai perubahan dari semasa ke semasa.





Antara kaedah yang dilakukan oleh pihak British ialah dengan menguasai pentadbiran di Negeri-negeri Melayu. Mereka telah berjaya menjalankan dan melaksanakan pelbagai dasar untuk memastikan bahawa kegiatan ekonomi di Tanah Melayu berada di bawah pengaruh dan kawalan mereka. Sehubungan dengan itu, tidak hairanlah jika pihak British menjalankan penerokaan tanah secara besar-besaran di negeri-negeri Melayu sehingga berjaya dikuasai oleh mereka. Penerokaan tanah secara besar-besaran telah bermula pada tahun 1874 setelah penguasaan mereka berjaya meluaskan pengaruhnya di Tanah Melayu. Bagi pihak British, mereka sudah pasti tidak mahu melepaskan peluang untuk mengaut kekayaan hasil bumi yang terdapat di Tanah Melayu. Kesuburan dan kekayaan hasil bumi Tanah Melayu yang dikenali dengan “Suvarnabhumi” telah menarik kedatangan British untuk meneroka tanah-tanah baru di Tanah Melayu. Keyakinan British terhadap Tanah Melayu begitu tinggi kerana mereka percaya bahawa Tanah Melayu mempunyai potensi yang besar dalam sektor ekonomi disebabkan kekayaan sumber bahan mentah yang dimiliki.

Oleh hal yang demikian, bagi memastikan hasrat itu tercapai pihak British telah melaksanakan pelbagai dasar dan perubahan dalam sistem pengurusan tanah supaya mereka dengan mudah dapat mentadbir dan mengurus tanah-tanah yang terdapat di Tanah Melayu. Dasar dan perubahan yang dibuat oleh British ini adalah penting bagi menjadikan mereka sebagai pentadbir atau peneraju utama dalam urusan pentadbiran tanah di sesebuah kawasan. Situasi ini berbeza sebelum kedatangan British, di mana sultan mempunyai kuasa dominan atau mutlak dalam menentukan status tanah di kawasan yang dikuasai. Pada kebiasaannya, sultan akan mengagihkan kuasa kepada pembesar-pembesar daerah atau kerabat diraja untuk mentadbir tanah milik mereka.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Namun begitu, setelah penguasaan British di tanah Melayu mereka telah mengubah semula sistem pengurusan tanah memandangkan sistem feodal yang diamalkan oleh sultan tidak mendatangkan keuntungan kepada mereka. Selain itu, sistem ini juga turut membebankan pihak British kerana bertentangan dengan sistem ekonomi kapitalis yang diamalkan oleh pihak mereka di samping bersifat agak terkongkong. Peranan sultan yang merupakan peneraju utama dalam sistem tanah feodal menjadi satu masalah kepada British untuk menguruskan tanah-tanah yang terdapat di Tanah Melayu mengikut acuan mereka. Oleh yang demikian, pihak British berpendapat bahawa sistem tradisional ini sudah pasti tidak akan memberikan keuntungan kepada mereka selain menimbulkan kesukaran untuk menguasai pengeluaran bijih timah dan getah yang merupakan komoditi utama dalam pasaran dunia pada masa itu.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Proses campur tangan British di Tanah Melayu telah bermula dengan peristiwa Perjanjian Pangkor pada tahun 1874 di negeri Perak. Negeri Perak telah diperkenalkan dengan undang-undang tanah baru ini pertama kalinya di Kerian pada 13 Julai 1874. Ekoran dari itu, British telah meneruskan lagi proses campur tangan di Negeri-negeri Melayu yang lain seperti Selangor, Pahang dan Negeri Sembilan. Pengenalan kepada peraturan tanah kolonial ini telah menjana keuntungan dan pendapatan yang lumayan kepada pihak British. Selain itu, pengenalan undang-undang tanah kolonial ini turut menjadikan sistem pengurusan tanah menjadi lebih tersusun dan sistematik. Hal ini demikian kerana, sistem pengurusan tanah baru ini membawa kepada lahirnya sistem hak milik tanah persendirian melalui sistem pendaftaran dan pengeluaran sijil hak milik tanah. Melalui sistem ini, bentuk pentadbiran tanah menjadi lebih teratur dan



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



tersusun bagi memudahkan lagi pihak British untuk menentukan harga sesuatu tanah dengan kadar harga yang sesuai dan berbaloi kepada mereka.

Selain itu, kegiatan meneroka dan membuka tanah-tanah baru juga dapat dilihat di negeri Selangor pada tahun 1874 apabila British secara rasmi telah mengusaai negeri tersebut. Pengenalan kepada sistem tanah baru ini dapat dilihat di daerah Ulu Selangor sekitar tahun 1883. Tidak ketinggalan juga di kawasan Kalumpang yang terletak di daerah Ulu Selangor turut mengalami perubahan yang sama apabila pihak British turut memperkenalkan sistem tanah kolonial di kawasan itu. Kawasan Kalumpang menjadi prospek yang bernilai kepada pihak British disebabkan kekayaan hasil bumi iaitu bijih timah yang terdapat di kawasan tersebut. Kedudukan Kalumpang yang berada di sempadan dua buah negeri iaitu di antara negeri Perak dan negeri Selangor menjadikan kawasan itu sangat sesuai untuk diterokai dan dibangunkan. Kedatangan British ke Ulu Selangor pada tahun 1883 telah menjadikan kawasan Kuala Kubu sebagai pusat pentadbiran yang berperanan penting dalam usaha mengeksploitasi kekayaan bijih timah di Kalumpang. Keadaan ini telah memberi ruang kepada pihak British untuk mentadbir dan menguruskan proses pembukaan tanah di kawasan Kalumpang. Tambahan pula, kedudukan Kalumpang yang hampir dengan pusat pentadbiran British di Ulu Selangor iaitu Kuala Kubu telah menjadikan peraturan tanah baru ini turut diaplikasikan di kawasan Kalumpang. Dengan ini, proses penerokaan tanah lombong di kawasan Kalumpang menjadi rancak dan telah berjaya diuruskan dengan baik sehinggakan dapat menambah sumber pendapatan British.





1.2 Latar Belakang Kajian

Di Tanah Melayu, pentadbiran tanah mendapat perhatian yang serius oleh pihak British. Di Perak, pihak British berjaya memperkenalkan undang-undang tanah kolonial setelah termeterainya Perjanjian Pangkor pada 20 Januari 1874.¹ Undang-undang yang digubal oleh British melalui Pejabat Tanah Singapura menyatakan bahawa sebarang tanah yang dimiliki sebelum 13 Januari 1874 adalah tertakluk di bawah undang-undang adat.² Namun, setelah British berjaya memperkenalkan undang-undang tanah kolonial status tanah yang dimiliki selepas 13 Januari 1874 adalah di bawah kuasa kerajaan British. Bagi mereka yang memiliki tanah dalam tempoh tersebut akan dianggap menyewa tanah dari kerajaan.³ Berdasarkan peraturan tanah yang digubal oleh Mc Nair ini, tempoh sewaan telah ditetapkan dalam tempoh masa 999 tahun dengan kadar sewaan 30 sen bagi seekor tanah.⁴ Secara keseluruhannya, pelaksanaan undang-undang tanah kolonial ini telah diwartakan di seluruh negeri Perak pada tahun 1879.⁵

Campur tangan British dalam urusan pentadbiran Negeri-negeri Melayu tidak terhenti negeri Perak semata-mata. Sebaliknya, pihak British dengan giat telah memperluaskan pengaruh mereka di Negeri-negeri Melayu yang lain. Hasilnya, mereka berjaya menguasai negeri Selangor pada tahun 1882, Negeri Sembilan pada

¹ MD Akbal Bin Abdullah. 2012. *Sejarah Pentadbiran dan Pembangunan Tanah di Negeri Johor dari Tahun 1900 hingga 1970*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. Hlm. 3.

² Azwan Syah Idris, Nordin Hussin dan Ishak Yussof. 2015. *Pelaksanaan Customary Tenure Enactment (CTE) Zaman Kolonial dan Kesannya ke atas Pentadbiran Tanah Adat di Negeri Sembilan (1921-1940)*. Kajian Malaysia. Vol. 22. No. 1. Hlm. 72.

³ *Ibid.* Hlm. 72.

⁴ W.E Maxwell. 1894. *Memorandum On The Introduction of Land Code In The Natives States In The Malaya Peninsula*. Singapura: National University of Singapore. Hlm. 3.

⁵ *Ibid.* Hlm. 3.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

tahun 1887 dan negeri Pahang pada tahun 1888.⁶ Kejayaan British menguasai Negeri-negeri Melayu telah membuka ruang kepada mereka untuk memperkenalkan sistem pegangan tanah mengikut acuan Barat di Negeri-Negeri Melayu.⁷ Tujuan utama British memperkenalkan sistem ini adalah untuk menguasai ekonomi di negeri-negeri Melayu yang berada di bawah jajahan mereka.⁸ Selain itu, sistem ini juga membolehkan pihak British mengaut hasil bijih timah dan getah yang menjadi komoditi utama dunia. Tambahan lagi, kekayaan hasil bumi yang terdapat di negeri-negeri Tanah Melayu menjadikan British sebagai pengeluar bijih timah utama dunia pada masa itu.

Faktor utama pihak British melakukan pembentukan urusan tanah yang teratur dan tersusun adalah bertujuan untuk menyusun dan mengubahsuai sistem pentadbiran mereka. Keadaan ini juga sejajar dengan proses penyesuaian undang-undang tanah dari semasa ke semasa bagi membentuk dan mewujudkan sebuah undang-undang tanah yang lengkap dan berkesan. Penyesuaian undang-undang yang dilakukan adalah penting bagi menjaga kepentingan ekonomi British di Tanah Melayu. Keadaan ini dapat dilihat apabila Maxwell yang dilantik menjadi Pesuruhjaya Negeri-negeri Selat pada tahun 1890 telah menyelaraskan dan menyeragamkan pentadbiran tanah di

⁶ J.S Sidhu. 1968. *The beginnings Of British in Selangor dalam Peninjau Sejarah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Hlm. 20.

⁷ Azwan Syah Idris, Nordin Hussin dan Ishak Yussof. 2015. *Pelaksanaan Customary Tenure Enactment(CTE) Zaman Kolonial dan Kesannya ke atas Pentadbiran Tanah Adat di Negeri Sembilan(1921-1940)*.Hlm. 72

⁸ *Ibid*. Hlm. 72.

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
Negeri-negeri Melayu.⁹ Pemerintahan Maxwell telah memperkenalkan satu sistem pengurusan tanah yang dikenali sebagai sistem Torrens.¹⁰

Sistem Torrens yang diperkenalkan oleh pihak British merupakan sistem pengurusan tanah yang diadaptasi daripada sistem pengurusan tanah yang diamalkan di Australia.¹¹ Pelaksanaan sistem ini dikaitkan dengan pengiktirafan pemilikan tanah kekal kepada pemilik tanah serta memberi jaminan keselamatan terhadap pemilikan tanah. Gambaran ini menjelaskan, seseorang pemilik tanah akan diberikan geran sebagai bukti pemilik kepada tanah yang dimiliki oleh mereka. Bagi pihak British, sistem Torrens yang dilaksanakan turut mendatangkan keuntungan kepada mereka melalui hasil kutipan cukai yang dikenakan terhadap pemilik tanah berdasarkan pemilikan tanah tetap.¹²

05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi

Dalam sistem Torrens, penentuan status tanah merupakan perkara asas dalam pelaksanaannya. Hal ini demikian kerana, setiap tanah mempunyai statusnya yang tersendiri sama ada tanah kerajaan, tanah persendirian dan tanah swasta.¹³ Sistem Torrens juga turut menjelaskan bahawa semua bentuk tanah sama ada tanah pertanian, tanah lombong atau jenis-jenis tanah yang lain adalah berada dalam hak milik yang sama iaitu bentuk pajakan.¹⁴ Oleh hal yang demikian, hak milik yang mempunyai bentuk pajakan kebiasaannya mengambil masa beberapa tahun setelah

⁹ MD Akbal Bin Abdullah. 2012. *Sejarah Pentadbiran dan Pembangunan Tanah di Negeri Johor dari Tahun 1900 hingga 1970*. Hlm. 4.

¹⁰ *Ibid.* Hlm. 4.

¹¹ *Ibid.*

¹² W.E Maxwell. 1894. *Memorandum On The Introduction of Land Code In The Natives States In The Malaya Peninsula*. Hlm. 3.

¹³ Md Akbal Bin Abdullah. 2012. *Sejarah Pentadbiran dan Pembangunan Tanah di Negeri Johor dari Tahun 1900 hingga 1970*. Hlm. 4.

¹⁴ *Ibid.* Hlm. 4.



berlaku persetujuan dan dalam tempoh masa tersebut pemilik tanah perlu membayar premium tanah, upah ukur sempadan dan cukai tanah kepada pihak kerajaan iaitu British.¹⁵ Berdasarkan situasi ini, penguasaan pihak British terhadap pentadbiran Negeri-negeri Melayu membolehkan mereka memperoleh keuntungan yang mudah hasil daripada pembayaran premium tanah, upah ukur dan cukai tanah daripada pemilik tanah. Maka dengan itu, tidak hairan mengapa pihak British sentiasa melakukan pengemaskinian terhadap pentadbiran tanah di negeri-negeri Melayu pada setiap masa.

Selain daripada itu, pembaharuan dalam undang-undang tanah kolonial British juga telah membentuk kewujudan hak milik tanah persendirian melalui sistem pendaftaran dan pengeluaran sijil hak milik tanah. Dalam hal ini, setiap tanah boleh diukur dan dikeluarkan surat akuan atau geran bagi setiap tanah yang dipohon.¹⁶ Bagi membuktikan status pemilikan terhadap sesuatu tanah pemilik mestilah mempunyai surat pendaftaran hak milik.¹⁷ Perkara ini membolehkan setiap tanah itu dijadikan sebagai komoditi yang boleh dijual beli jika hak miliknya telah didaftarkan. Bagi pihak British, mereka akan mengaut keuntungan melalui cukai-cukai yang dikenakan. Dari satu sudut lain, sistem ekonomi wang dilihat semakin kukuh kerana keperluan mempunyai modal adalah penting bagi memperoleh sesuatu tanah. Situasi ini berbeza dengan keadaan sebelum ini yang mana tanah merupakan sesuatu yang percuma. Namun begitu, aset tanah telah berubah menjadi satu komoditi yang dikawal oleh pihak British. Proses penukaran status tanah juga telah membuka jalan kepada British

¹⁵ W.E Maxwell. 1894. *Memorandum On The Introduction of Land Code In The Natives States In The Malaya Peninsula*. Hlm. 4.

¹⁶ Nik Haslina Nik Hussein. 2011. *Pentadbiran Kolonial dan Isu Pemilik Tanah di Kelantan 1881-1941*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia. Hlm. 47.

¹⁷ Ibid. Hlm. 47.



05-4506832 pustaka.upsi.edu.my Perpustakaan Tuanku Bainun Kampus Sultan Abdul Jalil Shah PustakaTBainun ptbupsi
 untuk mengeksploitasi tanah sebagai satu sumber ekonomi mereka di Tanah Melayu.

Di samping itu, pengenalan kepada sistem ini turut membolehkan pihak British mengawal tanah milik orang Melayu yang hanya mempunyai skala yang kecil sahaja. Kekurangan modal orang Melayu juga membuka ruang kepada kedatangan kapitalis Barat dan Cina untuk membuka tanah di negeri-negeri Melayu.

Pihak British bukan saja melakukan perubahan dalam sistem tanah tetapi juga turut memperkenalkan beberapa dasar baharu bagi memastikan cita-cita mereka untuk menguasai ekonomi di Tanah Melayu tercapai. Dasar ekonomi dilihat menjadi suatu keutamaan kepada pihak British dalam pemerintahannya. Selepas kedatangan British, aktiviti ekonomi yang berskala kecil telah berubah kepada ekonomi kapitalisme, komersialisme dan lain-lain lagi yang berskala besar. Dalam menjayakan ekonomi kapitalis, British telah memperkenalkan dasar ekonomi bebas dan ekonomi duaan. Hal ini bertujuan untuk menguasai ekonomi di Tanah Melayu sebanyak mungkin yang boleh.

Pengenalan sistem tanah kolonial juga turut berlaku di Selangor apabila British berjaya memperluaskan pengaruh mereka di negeri tersebut. Campur tangan British di Selangor telah berlaku secara rasmi pada tahun 1874 iaitu setelah British melantik J.G Davidson sebagai residen di negeri itu. Melalui satu perjanjian yang ditandatangani oleh Sultan Selangor dengan British. Dengan ini Sultan Selangor menyerahkan segala bentuk pengurusan hal-ehwal negeri Selangor kepada pihak British. Negeri Selangor merupakan negeri yang kedua menerima pengaruh British selepas negeri Perak. Kejayaan British menguasai negeri Selangor turut merubah sistem feodal yang telah diamalkan di negeri tersebut. Persetujuan yang diberikan oleh negeri Selangor telah

membuka ruang kepada wakil British iaitu residen untuk mengetuai pentadbiran dan menguruskan hal ehwal pembangunan di negeri itu. Dengan itu, tidak hairanlah jika pihak British telah memperkenalkan undang-undang tanah kolonial di negeri tersebut.

Dasar pentadbiran British di negeri Selangor juga dilihat agak “mesra” kepada golongan imigran terutamanya orang Cina. Kemasukan orang Cina telah membawa kepada pembukaan tanah-tanah lombong baharu di negeri Selangor. Kedatangan buruh Cina turut menjadi aset kepada British bagi membuka dan mengusahakan tanah lombong baharu di negeri Selangor. Keadaan ini memperlihatkan dasar British berkaitan sistem tanah dan cukai adalah sangat fleksibel dan mudah. Perkara ini adalah penting kerana sistem tanah yang fleksibel mampu menarik kedatangan tenaga buruh dan kemasukan modal daripada pelabur asing. Tenaga buruh dan modal merupakan elemen penting dalam membangunkan tanah-tanah baharu di negeri Selangor. Maka dengan itu, pihak British sedaya upaya berusaha untuk memudahkan proses pemilikan tanah bagi menarik pemodal. Antara usaha yang dilakukan oleh British ialah dengan memberikan tanah secara percuma tanpa bayaran premium dan cukai ke atas hasil pengeluaran bagi tempoh tiga tahun pertama.¹⁸ Selain daripada itu, pihak British juga telah memperkenalkan *Selangor Land Code* yang tujuan untuk memberikan hak milik kekal kepada tuan tanah. Hak milik kekal ini dilakukan melalui pendaftaran hak milik kekal dan jaminan hak milik melalui geran tanah yang dikeluarkan oleh pejabat tanah. Selain mengukuhkan pentadbiran tanah, British juga turut mewujudkan akta perlombongan. Akta perlombongan ini telah memberikan jaminan keselamatan kepada pengusaha-pengusaha lombong di negeri Selangor. Antaranya ialah akta lombong seperti *Mining Enactment 1911* yang memberikan

¹⁸ Nik Mohd Zain. 1993. *Malay Reservation Land: Concepts*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya. Hlm. 5.